

|            |                 |             |                     |
|------------|-----------------|-------------|---------------------|
| Headline   | ISU             |             |                     |
| MediaTitle | Utusan Malaysia |             |                     |
| Date       | 01 Mar 2016     | Color       | Full Color          |
| Section    | Letters         | Circulation | 171,663             |
| Page No    | 27              | Readership  | 563,000             |
| Language   | Malay           | ArticleSize | 162 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A             | AdValue     | RM 3,202            |
| Frequency  | Daily           | PR Value    | RM 9,605            |



## ISU

■ **SAYA** setuju dengan cadangan kerajaan memberhentikan sementara pengambilan 1.5 juta pekerja Bangladesh ke negara ini. Alangkah elok sekiranya kerajaan menutup terus pintu bagi mengelakkan kemasukan pekerja asing setelah sekian lama isu ini membebankan rakyat dengan pelbagai masalah iaitu sejak mereka mula membanjiri negara kita.

**017-944XXXX**

■ **KERAJAAN** perlu melatih belia-belia kita untuk meningkatkan kemahiran mereka terutama dalam sektor pekerjaan 3D. Tawarkan juga skim gaji yang menarik dalam sektor pekerjaan 3D. Tidak mustahil ramal belia kita akan berminat.

**KAMAL**

■ **WARGA** Kampung Datuk Keramat yang mengadakan protes jalanan dihadapkan ke mahkamah tetapi mereka yang membuat demonstrasi Bersih dan memijak gambar pemimpin Melayu dan Islam tiada apa-apa tindakan pun, mengapa?

**017-610XXXX**

■ **JUAL** jersi tiruan cepat pula kena 'bungkus' tetapi yang jual telefon tiruan asyik terlepas pandang saja. Ada dua darjat ke? Maklumlah rata-rata yang jual jersi tiruan ini berkulit sawo matang.

**YUSOFF RASHID**

■ **PENGAMBILAN** pekerja asing akan menjurus mereka menjadi PATI. Akhirnya mereka bebas berkahwin, berniaga dan menetap di sini. Pada PATI Malaysia semua boleh. Fikir-fikirkanlah.

**YUS, MJG, PK**

■ **JANGAN** biarkan Tabung Haji terus difitnah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Mungkin ada pihak yang cuba menjejaskan imej Tabung Haji. Marilah kita sebagai pendeposit bersatu mempertahankan Tabung Haji.

**HAJI DIN**

■ **PEKERJA** asing telah memonopoli pekerjaan di stesen minyak dan di merata-rata tempat. Rakyat mengemis di negara sendiri.

**BIMBANG**

■ **PEMANDU** lori yang melanggar 18 kereta di Pasar Awam Taman Berjaya, Nibong Tebal haruslah diberikan hukuman yang berat dan setimpal atas kecuaiannya itu. Semoga menjadi pengajaran kepada pemandu-pemandu lain.

**ASAM PEDAS**

■ **DATUK** Ong Kim Swee tidak layak menjadi jurulatih bola sepak negara. Beliau langsung tidak menaikkan martabat bola sepak negara. FAM jangan membazir duit dan perlu lebih berani. Lantik jurulatih asing, ikut Jepun dan Korea Selatan.

**012-660XXXX**

■ **SETUJU** lanjut usia profesor dan doktor pakar. Guru dan penguat kuasa tidak perlu. Tetapkan semula umur bersara 55 tahun. Sakit lutut dan tidak boleh naik tangga.

**019-663XXXX**